

# PAKATAN PBS - USNO SEMENTARA: PM

B.H. 11 APR 1993

Oleh Manja Ismail dan Kamal Ahmad

SUBANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya kerajaan campuran di Sabah tidak akan bertahan lama kerana pakatan Usno dengan Parti Bersatu Sabah (PBS) itu bukan untuk rakyat tetapi bagi kepentingan pemimpinnya yang mahu merebut kekayaan.

Sambil menyifatkan langkah Usno itu tidak memeranjatkan kerana beberapa pemimpin parti itu memang sudah lama diragui, Dr Mahathir berkata mereka juga tidak sesuai ada dalam Barisan Nasional (BN).

Sehubungan dengan itu, Presiden Umno yang juga Pengerusi BN itu berkata, terpuhlanglah kepada Dewan Tertinggi BN untuk membuat keputusan sama ada mahu menyingkirkan Usno.

Beliau berkata, Umno berpendapat Usno tidak lagi sesuai ada di dalam BN dan pendirian Umno mengenai perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Tertingginya esok.

Menurutnya, kerajaan campuran itu bukan sahaja tidak akan bertahan lama, malah Presiden Usno, Datu Amirkahar Tun Datu Mustapha tidak mendapat jawatan yang diidamkannya dalam Kabinet Sabah selepas menyertai pakatan itu.

"Kita memang dah lama mempunyai perasaan syak terhadap beberapa orang pemimpin Usno. Pemimpin ini memang dari awal lagi hendakkan sesuatu bagi diri mereka sendiri.

"Mereka anggap menjadi wakil rakyat ialah peluang baik untuk mencari makan, malah lebih daripada itu mereka hendakkan kekayaan, tempat, gelaran dan sebagainya," katanya kepada pemberita setibanya dari Jeddah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur semalam.

Perdana Menteri diminta mengulas mengenai kerajaan campuran PBS-Usno yang dibentuk Rabu lalu. Beliau yang diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali pulang daripada menengerjakan Umrah selepas lawatan lapan hari ke Uzbekistan dan Iran.

Dalam kerajaan campuran itu, Amirkahar dilantik sebagai Menteri Pertanian dan Perikanan walaupun sebelum itu laporan menyebut dia dijanjikan jawatan Timbalan Ketua Menteri Sabah.

Selain itu, Setiausaha Agung Usno, Askalani Abdul Rahim dilantik sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan manakala dua lagi anggota Dewan Undangan Negeri Usno, Fattim Mohd Ali dan Mohd Said Senang masing-masing memegang jawatan Pembantu Menteri Pertanian dan Perikanan serta Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dr Mahathir bagaimanapun menyifatkan apa yang berlaku di Sabah itu

LIHAT MUKA 2

Ada orang  
lompat  
macam  
katak: PM

DARI MUKA 1

amat baik sekali kerana BN dan Umno dapat menentukan di antara pemimpin yang benar-benar ikhlas dan sebaliknya.

"Bagi saya apa yang berlaku ini baik sekali kerana kita dapat tumpukan yang mana ikhlas dan yang mana tidak. Saya harap rakyat Sabah akan tahu terutama penyokong Usno jenis orang yang mereka telah pilih.

"Mereka ini macam katak, selalu lompat. Di mana ada lalat, dia lompat ke situ untuk dapat makanan," kata Dr Mahathir.

Ditanya mengenai Amirkahar yang diterima sebagai ahli Umno sebelum ini, Dr Mahathir berkata: "Itu menunjukkan betapa dia seorang yang tidak mempunyai penikiran," katanya.